

# Keperluan takaful untuk perlindungan

Sun Life Malaysia berkongsi keprihatinan pastikan rakyat dilindungi

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

Takaful memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan manusia dengan menyediakan jaringan keselamatan kepada diri serta keluarga apabila ditimpa sesuatu musibah seperti kemalangan, menghidap sesuatu penyakit atau kematian.

Biarpun begitu, kadar penembusan atau jumlah rakyat Malaysia yang mempunyai perlindungan takaful masih sangat rendah iaitu 15.2 peratus saja pada tahun 2018 biarpun jumlah populasi orang Islam di negara ini adalah lebih 60 peratus.

Kadar yang rendah ini berkemungkinan disebabkan oleh tahap kesedaran yang rendah dan ketidakarifan mengenai konsep perlindungan kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Ketua Eksekutif dan Presiden Negara Sun Life Malaysia, Raymond Lew, berkata takaful memainkan peranan penting dalam merancang keperluan kewangan seseorang untuk menjamin masa depan mereka.

Katanya, pihaknya juga mempunyai keprihatinan yang sama dengan kerajaan dalam memastikan semua rakyat Malaysia dilindungi dari segi kewangan untuk memberikan mereka ketenangan masa depan dan melindungi orang yang tersayang.

"Ini terutama kumpulan B40 yang mana kadar penyertaan takaful dan insurans adalah membimbangkan dengan hanya 30 peratus daripada mereka dilindungi pada masa ini. Ia disebabkan oleh kekurangan sumber pendapatan dan akses kepada pilihan perlindungan yang berpatutan.

"Bagi membantu mengatasi masalah ini, Sun Life Malaysia bersama-sama dengan rakan telco-asuransnya melancarkan produk takaful mikro, GoTakaful, yang dibangunkan secara khusus bagi memenuhi keperluan kumpulan B40 dengan pilihan yang lebih pelbagai dan jumlah sumbangan yang berpa-

tutan," katanya. Pelan perlindungan inovatif itu kata Lew, dirancang untuk membantu orang ramai supaya memiliki perlindungan takaful melalui saluran digital dengan memanfaatkan penggunaan telefon pintar yang meluas di Malaysia.

Pihaknya melihat masih banyak peluang dan ruang untuk membantu pihak yang kurang diberi perhatian dan akan terus memberi tumpuan kepada produk yang bersesuaian dengan kemampuan setiap rakyat dan membantu mereka mencapai jaminan kewangan seumur hidup dan menjalani kehidupan yang lebih sihat.

"Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan oleh kerajaan adalah langkah yang tepat untuk meningkatkan tahap kecakilan kewangan di kalangan mereka yang kurang mendapat perhatian dan menggariskan kepentingan perlindungan takaful untuk masa depan kewangan mereka sehingga dapat membuat keputusan yang tepat mengenai hal-hal kewangan.

"Dalam menyokong masalah yang membimbangkan ini, kami telah membangunkan kandungan pendidikan dan kempen kesedaran termasuk berkongsi pelbagai produk takaful yang kami miliki supaya ia sesuai dengan kemampuan kewangan semua rakyat Malaysia," katanya.

Sun Life Malaysia memainkan peranannya untuk menjangkau ke semua rakyat Malaysia dengan memastikannya kemudahan untuk diakses dan mempunyai pelbagai produk komprehensif yang sesuai dengan peringkat hidup, kemampuan kewangan dan sasaran kewangan yang berbeza.

Sejak mula memasuki Malaysia pada 2013, Sun Life Malaysia Takaful mencatat kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (CAGR) sebanyak 34 peratus.

Lew berkata, sebagai penyedia bancatakaful nombor satu di Malaysia yang menguasai hampir satu perempat bahagian pasaran, pihaknya memanfaatkan inisiatif globalnya yang disebut 'Client for Life' yang membezakan mereka dengan penyedia lain.

Inisiatif itu katanya, menumpu-



Sun Life Malaysia menyediakan pelbagai produk komprehensif yang sesuai dengan peringkat hidup, kemampuan kewangan dan sasaran kewangan yang berbeza.

kan kepada fokus untuk mewujudkan pengalaman pelanggan yang luar biasa dan menyediakan portfolio produk yang sentiasa berkembang bersesuaian dengan segmen penduduk yang berlainan - sama ada golongan kaya, pertengahan yang kian

meningkat atau mereka yang kurang mendapat perhatian.

"Pada masa sama, melalui usaha berterusan kami untuk meningkatkan tahap kesedaran, kami menjalankan pelbagai kempen, inisiatif pendidikan dan program jangkauan masyarakat untuk mendidik orang ramai mengenai kepentingan perlindungan dan perancangan kewangan yang mencukupi.

"Selain itu, Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia Takaful, Muhammad Fikri Mohamad Rawi juga adalah Pengerusi Peratuan Takaful Malaysia (MTA) ketika ini. Di bawah kepemimpinannya, kami yakin akan ada lebih banyak cadangan kerjasama dari industri Takaful untuk meningkatkan perlindungan di kalangan rakyat Malaysia dalam masa terdekat," katanya.

Dalam pada itu, Lew turut memperbetulkan salah faham orang ramai mengenai takaful yang dianggap adalah eksklusif untuk orang Islam sahaja.

Salah faham itu, katanya tidak tepat kerana sebenarnya takaful boleh disertai oleh semua rakyat Malaysia dan mampu menyediakan perlindungan dan keselamatan kepada semua orang tanpa mengira bangsa dan agama.

"Hakikatnya, takaful menyediakan perlindungan dan keperluan kewangan yang serupa dengan insurans konvensional sekiranya berlaku sesuatu perkara di luar jangkauan, tetapi ia adalah mengikut prinsip Syariah dan konsep saling bantu membantu dengan s u m b a n g a n e disatukan ke dalam dana ta-

kaful bagi tujuan pembayaran manfaat ketika berlakunya musibah, kemalangan, kesukaran dan lain-lain," katanya.

Lew berkata, walaupun COVID-19 telah memberi kesan kepada setiap rakyat Malaysia dengan masalah yang berbeza terutamanya kewangan, rakyat tidak harus membatalkan pelan takaful mereka yang sedia ada kerana di waktu sukar seperti ini, takaful amat penting sebagai pelan sokongan dan memberikan ketenangan di saat berlaku kejadian yang tidak diingini.

"Dengan jumlah kes COVID-19 yang banyak setakat ini, saya ingin mengingatkan pemegang sijil bahawa Sun Life Malaysia tetap akan menyediakan jaringan keselamatan dan memastikan aspek kewangan mereka dijaga melalui pelbagai produknya.

"Ketika tempoh yang mencabar ini, kami telah memberi sokongan kepada pelanggan kami dengan menawarkan perlindungan yang lebih baik dan membantu mengurangkan impak disebabkan virus itu.

"Sejak Februari lalu, kami telah meningkatkan respon terhadap wabak berkenaan dengan menawarkan langkah khas percuma kepada pelanggan kami yang didiagnosis dengan COVID-19," katanya.

Antara langkah khas COVID-19 yang disediakan SLM katanya, termasuk perluasan perlindungan perubatan merangkumi kemasukan ke hospital dan rawatan yang berkaitan dengan COVID-19.

Selain itu, terdapat juga perlindungan untuk rawatan pesakit luar di mana-mana klinik atau hospital berdaftar setelah disahkan diagnosis; melanjutkan perlindungan dan faedah bagi mereka yang dikuarantin oleh undang-undang untuk rawatan di hospital dan rawatan dan mengecualikan tempoh menunggu selama 30 hari untuk membolehkan pelanggan baharu mendapat perlindungan segera.

**Ketika tempoh ini, kami telah memberi sokongan kepada pelanggan kami dengan menawarkan perlindungan yang lebih baik dan membantu mengurangkan impak disebabkan virus itu.**

Raymond Lew,  
Ketua Eksekutif dan Presiden/  
Ketua Negara  
Sun Life Malaysia

